

NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543

MAJLIS ANUGERAH APRESIASI REKTOR 2023/2024 UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN: MENGIKTIRAF SUMBANGAN INTELEKTUAL PENSYARAH

Nurain Aziman

Pusat Pengajian Teknologi Industri,
Fakulti Sains Gunaan,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Dalam usaha mengiktiraf sumbangan gemilang para pensyarah yang telah mencurahkan bakti dalam bidang penyelidikan, perundingan, penerbitan, inovasi, pengkomersilan, jaringan industri masyarakat dan alumni, dan keusahawanan, Seksyen Perundingan dan Inovasi, Pejabat Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A), UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menganjurkan Majlis Anugerah Apresiasi Rektor 2023/2024 UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang berlangsung di Dewan Biduanda, UiTM Kampus Rembau pada 10 Oktober 2024.

Majlis yang penuh bermakna ini telah disempurnakan oleh Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan, YBhg. Prof. Dr. Yamin Yasin bersama Pengurusan Tertinggi UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Rektor dalam ucapannya menyatakan bahawa kejayaan sesebuah universiti bukan sahaja bergantung kepada infrastruktur dan pelajarnya, tetapi juga pada kekuatan intelektual, inovasi dan dedikasi tenaga akademiknya



Gambar 1: Ucapan daripada Prof. Dr. Yamin Yasin, Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Beberapa anugerah telah diberikan kepada pensyarah yang telah menunjukkan kecemerlangan serta memberi impak besar kepada universiti dan masyarakat. Anugerah yang disampaikan terbahagi kepada lima kategori, iaitu Penulisan dan Penerbitan, Penyelidikan dan Perundingan, Inovasi dan Pengkomersilan, Jaringan Industri Masyarakat dan Alumni, dan Keusahawanan. Antara anugerah yang disampaikan bagi kategori Penulisan dan Penerbitan ialah Anugerah Sanjungan Penulisan dan Penerbitan Jurnal Kategori Q1, Q2, Q3 (WOS) (Sains Sosial dan Sains & Teknologi), Anugerah Sanjungan Penulisan dan Penerbitan Bab di Dalam Buku (Sains Sosial dan Sains & Teknologi), Anugerah Sanjungan Penulisan dan Penerbitan Buku (Sains Sosial dan Sains & Teknologi), Anugerah Sanjungan Penulisan & Penerbitan Jurnal Berindeks WOS (Sains Sosial dan Sains & Teknologi), Anugerah Sanjungan Penulisan & Penerbitan Jurnal Berindeks SCOPUS & ERA (Sains Sosial dan Sains & Teknologi), Anugerah Sanjungan Penulisan & Penerbitan Proceeding Berindeks (Sains Sosial dan Sains & Teknologi), dan Anugerah Sanjungan Penulisan & Penerbitan Berindeks MyCite (Sains Sosial dan Sains & Teknologi),

Manakala bagi kategori Penyelidikan dan Perundingan pula, antara anugerah yang disampaikan termasuk Anugerah Penyelidikan Berimpak Tinggi (Sains Sosial dan Sains & Teknologi), Anugerah Penyelidikan Aktif (Sains Sosial dan Sains & Teknologi), Anugerah Penyelidik Berpotensi (Sains Sosial dan Sains & Teknologi), dan Anugerah SIG Cemerlang. Anugerah Inovasi Khas dan Anugerah Individu Berinovasi pula telah disampaikan untuk kategori Inovasi dan Pengkomersilan. Anugerah Projek Komuniti Berimpak Tinggi, Anugerah Penyumbang MOU/MOA Industri Antarabangsa, Anugerah Pemangkin Alumni Usahawan, Anugerah Projek Komuniti Paling Aktif, dan Anugerah Jaringan Industri merupakan anugerah di bawah kategori Jaringan Industri Masyarakat dan Alumni.

Seterusnya, anugerah untuk kategori Keusahawanan ialah Anugerah Staf Proaktif Dalam Program Keusahawanan Pelajar. Terdapat dua anugerah khas iaitu Anugerah Perkhidmatan Efisien: Journal of Akademia, dan Anugerah Khas Rektor (Anugerah Piala Apresiasi Rektor 2023/2024).



Gambar 2: Antara penerima Anugerah Apresiasi Rektor 2023/2024



Gambar 3: Penerima Anugerah Khas Rektor (Anugerah Piala Apresiasi Rektor 2023/2024), Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan pelajar, cabutan bertuah dan sesi bergambar kenang-kenangan. **Majlis Anugerah Apresiasi Rektor 2023/2024** ini mencerminkan komitmen universiti dalam menyemai budaya kecemerlangan, menggalakkan inovasi serta memberi motivasi berterusan kepada warga akademik untuk terus unggul dalam kerjaya mereka.



Gambar 4: Persembahan daripada pelajar.